

MAIPk.(BP) A603/656/3



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PEKELILING DALAMAN MAIPk BILANGAN 1 TAHUN 2014

**KEMUDAHAN CUTI BERSALIN PEGAWAI
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan menjelaskan kelayakan dan kaedah pelaksanaan peraturan mengenai kemudahan Cuti Bersalin bagi pegawai Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk).

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 berkaitan "Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Perkhidmatan Awam" telah dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bertarikh 2 Disember 2010.

3. Kemudahan yang diberikan dalam pekeliling tersebut adalah fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin di antara **60 hari sehingga 90 hari** bagi setiap kelahiran iaitu sebanyak **300 hari sepanjang tempoh perkhidmatan.**

PEMAKAIAN

4. Pihak Pengurusan MAIPk telah membuat keputusan menerima keseluruhan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 tersebut dengan **pengecualian** kepada tempoh Cuti Bersalin bagi Pegawai MAIPk terhad kepada **65 hari sahaja bagi setiap kali kelahiran.**

5. Pekeliling Dalaman MAIPk ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan Bilangan 14 Tahun 2010.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 November 2014.**

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED)
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

11 NOVEMBER 2014

Salinan kepada

Penasihat MAIPk

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

Semua Pengurus Besar

- PT
- Perkhidmatan
 - Perjawatan
 - Rekod
 - Sumber Maklumat (HRMIS)

Fail Timbul

"PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI"